Title	Kekeliruan alomorf: Kes, ber, be dan bel
Author(s)	Mohamed Naim Daipi
Source	*Sekata, 1*(2), 10-15
Published by	The Malay Language Council

Copyright © 1984 The Malay Language Council

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This document first appeared in: Mohamed Naim Daipi. (1984). Kekeliruan alomorf: Kes, ber, be dan bel. *Sekata, 1*(2), 10-15.

This document was archived with permission from the copyright owner.

KEKELIRUAN ALOMORF: KES, BER, BE DAN BEL

Oleh
Mohamed Naim Daipi

Institut Perkembangan Kurikulum
Singapura

Pada dasarnya penggunaan awalan **beR** jarang sekali menimbulkan kekeliruan kepada penggunanya. Tidak seperti awalan **meN**, kekeliruan masih lagi ketara. Sekadar contoh diperturunkan penggunaan awalan **meN seperti** yang terterap dalam buku **Terdampar:**

1) Mereka semua betul-betul **mengnikmati** bayu petang. (hal : 8)
   — seharusnya menikmati.

2) Satu letupan yang amat kuat kedengaran **mengegarkan** kapal itu. (hal : 14) — seharusnya menggegarkan.

3) Tabir malam perlahan-lahan mengambil alih tempatnya, **menganti** siang. (hal : 21) — seharusnya menggantikan

4) Adi mengunyah buah itu perlahan-lahan untuk **mempasti** yang buah itu tidak mabuk dan benar-benar boleh dimakan. (hal : 26)
   — seharusnya memastikan.

5) Adi terus cuba **mengunakan** bahasa isyarat. (hal : 39)
   — seharusnya menggunakan.

6) Allah telah **mengkabulkan** doa kita. (hal : 95)
   — seharusnya mengabulkan.

Seperti yang dimaklumi, awalan **meN** mempunyai variasi fonologi yang ditentukan oleh huruf atau fonem pertama kata dasarnya. Tidak seperti awalan **beR**, ketentuan variasi fonologinya tidak begitu menyukarkan, kecuali

pada penggunaan alomorf **be** dan **bel.** Di sini pengawalarasan (disimilasi) terjadi ke atas kata bentukan yang menggunakan alomorf-alomorf tersebut.

Alomorf **bel** hanya muncul pada perkataan ajar sahaja, iaitu **belajar.** Bentuk **bel** tidak muncul pada perkataan-perkataan seperti:

ujar — berujar (bukan belujar)
akar — berakar (bukan belakar)
edar — beredar (bukan beledar)
ekor — berekor (bukan belekor).

Sementara alomorf **be** pula muncul apabila kata dasar fonem awalnya **r,** sekadar contoh saya perturunkan ayat-ayat yang mengandungi perkara tersebut daripada buku **Terdampar:**

7) Mereka kembali semula ke bawah pohon rendang di mana mereka **berehat.** (hal : 19)
— bukan berrehat.

8) Mereka tidak **berenggang** barang seketika pun. (hal : 85)
— bukan berrenggang.

9) Mereka pun **berenang** perlahan-lahan. (hal : 92)
— bukan berrenang.

10) Sebentar kemudian Ma **berebut-rebut** turun bersama dua ekor beruk tua itu. (hal : 56)
— bukan berrebut-rebut.

Alomorf **be** juga muncul apabila suku kata pertama sesuatu perkataan itu berakhirkan **er.** Sekadar contoh perkataan **bekerja** (ber+kerja). Perhatikan ayat-ayat ini:

11) Dia tidak kekal **bekerja** di situ. (Cinta, hal : 56)
bukan

12) Ia **berkerja** di rumah Chaudhuy sebagai amah untuk menyara kehidupannya. (Suara Remaja, hal : 15)

Begitu juga pada perkataan **beberapa** (ber+berapa):

13) **Beberapa** keping lukisan tergantung di dindingnya. (Cinta, hal : 53)
bukan

14) Dan mereka dapati sudah ada **berberapa** ekor beruk di samping mereka dengan buah-buahan. (Terdampar, hal : 71)

Alomorf **be** tidak terbentuk pada perkataan **sabar.** Sekadar contoh:

15) **Besabarlah** Wan, mungkin hari ini kita ditimpa kesusahan. (Mariam, hal : 28)
seharusnya

16) **Bersabarlah.** Kesabaran tanda bersyukur pada Tuhan. (Sandhayakala, hal : 67)

Begitu juga, bentuk **be** tidak muncul pada perkataan-perkataan yang suku kata pertamanya berakhirkan **ar, ir, or** dan **ur. Sekadar contoh:**

garpu — bergarpu (bukan begarpu)
sarban — bersarban (bukan besarban)
sirna — bersirna (bukan besirna)
firman — berfirman (bukan befirman)
korban — berkorban (bukan bekorban)
hormat — berhormat (bukan behormat)
kursus — berpurdah (bukan bepurdah)

Jadi; secara fnologis, perkataan-perkataan yang bersuku kata pertamanya berakhirkan **er** apabila menerima **awalan beR** mengalami proses pengawalarasan seperti perkataan **bekerja** tadi. J.S. Badudu menerusi bukunya Inilah Bahasa Indonesia Yang Benar, menerima kata bentukan ini:

beserta (be+serta)
beternak (be+ternak)
bepergian (be+pergi+an)
beterbangan (be+terbang+an)

Proses Pengawalarasan seperti ini boleh juga kita dapati dalam buku Hikayat Hang Tuah:

17) Maka dastar daripada emas yang **bepermata** itu dipakainya. (hal : 298)

Malah proses ini terjadi tidak sahaja kepada kata dasar tetapi pada kata bentukan seperti persembahan.

18) Maka Tun Tuah pun tahulah akan erti pandang inangda itu kalau Tun Tuah tiada **bepersembahan.** (hal : 183)

Walaupun demikian, Awang sariyan melalui kertas kerjanya, Yang Cemar dan Yang Murni Dalam Bahasa Melayu, menerima kedua-dua bentuk tersebut kecuali pada kata dasar **kerja.** sekadar contoh:

cermin — **becermin** atau **bercermin**
derma — **bederma** atau **berderma**

serta	—	**beserta**	atau	**berserta**
terbang	—	**beterbangan**	atau	**berterbangan**

Melalui kelaziman kita, kata bentukan **berlayar** dan **belayar** mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Kalaulah mengikut apa yang telah disebutkan di atas, kata bentukan **belayar** tidak muncul. Perhatikan ayat-ayat ini:

19) Perahu yang tidak **berlayar** itu terombang-ambing di tengah lautan.

20) Tongkang itu pun **belayar** meninggalkan Singapura.

Walaupun demikian terdapat juga pemakaian yang sama pengertiannya:

21) Hatta beberapa lamanya **belayar** itu maka laksamana pun sampailah ke Melaka. (Hikayat Hang Tuah, Hal : 408)

22) Maka Tun Perpatih Pandak pun **berlayarlah** ke Singapura. (Sejarah Melayu, hal : 84)

Dalam menggunakan **awalan beR, kita akan** menjumpai bentuk tulisan yang sama tetapi mempunyai pengertian yang tersendiri. Bentuk ini disebut homograf. Pengertian sesuatu perkataan hanya dapat dijeliaskan dalam bentuk ayat. Sekadar contoh: **beruang** (sejenis binatang) dengan **beruang** (mempunyai ruang).

23) **Beruang** betina di taman haiwan telah dinamakan Murni. (sejenis binatang).

24) Durian itu **beruang** enam. (petak-petaknya)

Melalui ayat 23, tidak muncul **awalan beR,** sedang dalam ayat 24, perkataan **beruang** berkata dasarkan **ruang.**

Begitu juga pada perkataan-perkataan ini:

25) Jangka suhu itu sudah tidak **beraksa** lagi.
(mempunyai raksa [logam cair]).

26) Syah Kobat pun segera menunggang **beraksa** itu ke angkasa raya. (bermaksud kuda terbang)

27) Bagaimana saya hendak berjalan di malam yang pekat ini, kalau tidak **berandang.** (mempunyai andang [suluh]).

28) Dari sini kita dapat **berandang** bot penyeludup itu. (bermaksud mudah tampak)

Perkataan-perkataan lain ialah **beroti, beruas, berangan, berambung** dan lain-lain lagi.

Sementara kata bentukan **beramah** dapat dijelaskan kata dasarnya sama ada **ramah** (mesra) atau **amah** (pembantu rumah):

29) Oleh kerana hartawan itu tidak **beramah,** semua kerja-kerja rumah dibuat oleh isteri dan anak-anaknya.

30) Penyanyi baru itu sedang **beramah-tamah** dengan peminat-peminatnya.

Melalui ayat-ayat di bawah ini pula, tidak muncul **alomorf bel** pada perkataan **belanak,** sementara pada perkataan **beranak,** jelas terbentuk daripada kata dasar **anak.**

Contoh dalam ayat:

31) Di dalam jaringnya terdapat dua tiga ekor **belanak.** (sejenis ikan)

32) Wanita muda itu **beranak** dua. (mempunyai anak)

33) Dia baru sahaja **beranak** di Hospital Kandang Kerbau. (bersalin)

Contoh yang lain:

34) Bermula akan tempat si Jebat derhaka digantung itu sampai sekarang ini tiada tumbuh rumput, ada sebidang **belulang** luasnya. (Hikayat Hang Tuah, hal : 329) — tidak muncul **awalan beR.**

35) Telah **berulang** kali saya menasihatinya, namun semua nasihat daya itu tidak diendahkannya. (kata dasarnya : **ulang)**

Melalui penulisan juga terdapat perkataan-perkataan seperti **bebold, bebayang, beberas, bebiji, bebulu** dan sebagainya. Perkataan-perkataan tersebut berbentuk dwipurwa, bukan mengalami **alomorf be.**

Contoh dalam ayat:

36) **Bebaling** *(baling-baling, kincir angin):*

Bebaling yang digunakan di ladang itu sudah tidak boleh digunakan lagi.

Kecuali pada perkataan ini, **awalan beR** amat jelas sekali:

37) **Berbaling-balingan** *(ber+baling-baling+an)*

Janganlah kamu **berbaling-balingan** batu di tempat orang berlalu lalang ini.

Sekian. Semoga percakapan ini memanfaatkan.

BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN:

Yang Benar dan Yang Murni dalam Bahasa Melayu, Awang Sariyan, kertas kerja Kuliah Pengantar Linguistik anjuran Majlis Pusat, 1984.

2) Inilah Bahasa Indonesia Yang Benar, J.S. Badudu, PT Gramedia, Jakarta 1983.

3) Analisis Bahasa, Edisi Lima, Samsuri, Erlanga, Jakarta, 1983.

4) Mengajar Imbuhan Melayu, Dr. Koh Boh Boon, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982.

5) Terdampar, Ahmad Awang, Solo Enterprises, 1982.

6) Cinta, Suraidi Sipan, Solo Enterprises, 1977.

7) Suara Remaja, Perkhidmatan Muda-mudi Perpustakaan Negara, Singapura, 1979.

8) Mariam, Suraidi Sipan, Solo Enterprises, 1978.

9) Sandhayakala, Mohd Latiff Mohd, ICSDCA, Bali, 1984.

10) Pelita Bahasa Melayu, Penggal 1, Zainal Abidin Ahmad, DBP, Kuala Lumpur, 1958.

11) Hikayat Hang Tuah, Cetakan 3, DBP, Kuala Lumpur, 1968.

12) Sejarah Melayu, W.G. Shellabear, Fajar Bakti, KL, 1975.